

# BAB III

### **BAB III**

### **DATO' HAJI MUHAMMAD BIN NASIR**

#### A. Sejarah Hidup

Nama sebenar beliau ialah Muhammad bin Nasir bin Malim Padek.<sup>1</sup> Beliau dilahirkan di Kampung Kota, Kota Bharu, Kelantan pada 1 Januari 1916.<sup>2</sup> Ibunya bernama Membunga atau Munah binti Senik berasal dari Kampung Kota, Kota Bharu, Kelantan.<sup>3</sup> Beliau adalah anak ketiga daripada lapan orang adik beradik sebapa.<sup>4</sup> Adik beradik beliau ialah Hindun @ Cik, Halimah, Mek, Zabidah, Haji Zakaria, Hajah Fatimah dan Hajah Kalthom.<sup>5</sup>

Ayah beliau bernama Kulob Muhammad Nasir bin Malim Padek,<sup>6</sup> dilahirkan di Rawang, Selangor dalam tahun 1887.<sup>7</sup> Setelah bapanya (Malim Padek) meninggal

---

<sup>1</sup> Interviu dengan Hajah Edah @ Hamidah binti Dato' Haji Muhammad, anak Dato' Haji Muhammad Bin Nasir di rumahnya di Kampung Demit, Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan, pada 20 Disember 1999.

<sup>2</sup> J. Victor Morais, *Who's Who in Malaysia 1977-1978 and Guide to Singapore*, Percetakan Abadi (Life Printers) Sdn. Bhd. Petaling Jaya, tt . hal. 170.

Interviu dengan Hajah Edah @ Hamidah binti Dato' Haji Muhammad, pada 20 Disember 1999.

<sup>3</sup> Interviu dengan Amnah binti Haji Mohd Noor, anak saudara Dato' Haji Muhammad Bin Nasir di rumahnya di Kampung Wakaf Che Yeh, Kota Bharu, Kelantan, pada 5 Mac 2000.

<sup>4</sup> Zakaria bin Nasir, *Catatan Peribadi*, hal. 83.

<sup>5</sup> Interviu dengan Hajah Edah @ Hamidah binti Dato' Haji Muhammad, pada 20 Disember 1999.

<sup>6</sup> Dato' Haji Muhammad bin Nasir, *Catatan Peribadi*. Hal. 2

<sup>7</sup> Zakaria bin Nasir, *Catatan Peribadi*, hal. 82.

dunia di Mekah, beliau dan ibunya dipindahkan oleh sepupunya Sani atau Sanin ke Kuala Lumpur dan di sinilah beliau dibesar dan disekolahkan. Semasa hayatnya, beliau terkenal sebagai seorang yang berprinsip, tegas, tidak suka berbohong, peramah, baik hati, boros dan garang. Beliau dihormati dan disegani oleh kawan mahupun lawan. Beliau fasih berbahasa Tiong Hua (Cina) dan Bahasa Inggeris.<sup>8</sup> Bersemangat kebangsaan dan anti penjajah.<sup>9</sup> Sebelum berhijrah ke Kelantan, beliau pernah menjawat jawatan sebagai Pegawai Kerani di Pejabat Tanah Kuala Kubu, Selangor.<sup>10</sup> Pada tahun 1912 beliau berhijrah ke Kelantan dan dilantik oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Mohamad IV menjadi Tukang Sukat Tanah seluruh negeri Kelantan sehingga bersara.<sup>11</sup>

Datuk beliau sebelah bapa bernama Malim Padek. Malim Padek berketurunan Sumatera Barat<sup>12</sup> (berasal dari Sungai Puar, Palembangan, Bukit Tinggi, Sumatera Barat, Indonesia). Berhijrah ke Malaya (Malaysia) pada akhir abad ke-18 dan mengakhiri hayatnya di Tanah Suci Mekah.<sup>13</sup>

<sup>8</sup> *Ibid.*

<sup>9</sup> Muhammad Nasir, *op. cit.*, hal 3.

<sup>10</sup> Zakaria Nasir, *loc. cit.*

<sup>11</sup> Muhammad Nasir, *loc. cit.*

<sup>12</sup> Dokumen Muzium Negeri Kelantan.

<sup>13</sup> Zakaria Nasir, *loc. cit.*

Sementara nenek beliau sebelah bapa bernama Hitam Aisah binti Sulaiman Santal Pucuk yang dilahirkan di Kampung Sungai Ati, Padang Rengas, Perak. Berhijrah ke Rawang, Kuala Lumpur dan Kelantan kerana mengikuti anaknya Nasir dan mengakhiri hayatnya di Kampung Padang Enggang (Kampung Bharu) kira-kira dalam tahun 1922 dan dimakamkan di tanah perkuburan To' Panjang, Kota, Kota Bharu, Kelantan. Manakala Sulaiman Santal Pucuk berasal dari Hulu Tiram, Siak Sri Indrapura, Riau, Indonesia. Merantau ke Malaya (Malaysia) kira-kira pada abad ke-18.<sup>14</sup>

Salasilah keturunan Dato' Haji Muhammad bin Nasir mempunyai kedudukan yang baik dan disegani.

Dato' Haji Muhammad bin Nasir semasa mudanya telah dijodohkan dengan seorang gadis bernama Hajah Zainab binti Haji Ismail, bertempat di bandar Pasir Mas. Hasil dari perkongsian hidup ini, mereka dikurniakan seorang cahaya mata yang diberi nama Khadijah. Selang beberapa tahun kemudian, maka dengan takdir Allah berlakulah sesuatu yang tidak dapat dielakkan dan berpisahlah beliau dengan Hajah Zainab buat sementara waktu.<sup>15</sup>

Bagi mengisi kekosongan itu, beliau berumahtangga dengan seorang janda bernama Wan Mariam binti Wan Yusoff, bertempat di hadapan Stesen Keretapi Pasir Mas. Hasil dari perkongsian hidup ini, beliau dikurniakan seorang cahaya mata yang

<sup>14</sup> Zakaria Nasir, *loc. cit.*

<sup>15</sup> *Ibid.*, hal. 86.

diberi nama Aishah atau Wan Aishah. Namun jodoh mereka berdua tidak panjang dan akhirnya mereka berpisah.<sup>16</sup>

Dalam keadaan kekosongan ini pula beliau berkahwin semula dengan bekas isteri pertamanya iaitu Hajah Zainab binti Haji Ismail. Dari perkongsian hidup kali kedua ini, mereka dikurniakan sebelas orang cahaya mata iaitu: Obaidellah, Zainun, Edah @ Hamidah, Muhammi, Sabariah, Ahmad Burhanuddin, Hapsah, Asiah @ Zainun, Zuhairah, Zulkifli dan Asma'.<sup>17</sup>

Kemudiannya beliau berkahwin pula dengan Nik Kamisiah binti Nik Mat, dari Kampung Wakaf Che Yeh, Kota Bharu, Kelantan. Hasil dari perkahwinan ini, mereka dikurniakan tiga orang cahaya mata iaitu Nik Rajhan, Nik Musaddique dan Nik Anuar Musaddad.<sup>18</sup>

Beliau mengamalkan poligami dalam perkahwinan. Walaupun demikian, tidak ada pergeseran yang berlaku antara isteri-isterinya. Beliau dikurniakan 16 orang anak, 6 lelaki 10 perempuan.

Dato' Haji Muhammad bin Nasir meninggal dunia pada hari Jumaat 21 Februari 1997 di sebuah hospital di Melbourne, Australia. Jenazah Allahyarham

<sup>16</sup> *Ibid.*, hal. 86-87.

<sup>17</sup> Interviu dengan Hajah Edah @ Hamidah binti Dato' Haji Muhammad, pada 20 Disember 1999.

<sup>18</sup> Zakaria Nasir, *op. cit.*, hal. 87.

selamat dikebumikan di sebuah tanah perkuburan Islam di Melbourne, Australia Beliau meninggal dunia ketika berusia 82 tahun disebabkan oleh serangan jantung.<sup>19</sup>

## B. Pendidikan

Peringkat awalnya, Dato' Haji Muhammad bin Nasir belajar di Sekolah Inggeris Kota Bharu, Kelantan. Sekolah tersebut dikendalikan oleh seorang bangsa Sri Langka yang bernama Puan Perera.<sup>20</sup> Pada sebelah petangnya pula beliau mempelajari al-Qur'an di Kampung Kota, Kota Bharu, Kelantan dengan Tok Guru Haji Mamat.<sup>21</sup>

Peringkat kedua beliau belajar di Sekolah Agama Sekolah Majlis Agama Islam Kelantan. Beliau belajar di sini selama empat tahun iaitu dari tahun 1928 hingga 1932. Antara matapelajaran-matapelajaran yang dipelajari ialah Ilmu Hisab (Matematik), Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan Fardu 'Ain. Antara guru-guru yang pernah mengajar beliau di Sekolah Majlis Agama Islam itu ialah Tuan Haji Yaakub (ayah kepada Ustaz Yusof Zaki Yaakub), Haji Muhammad, Che Hussein Melaka,

<sup>19</sup> Utusan Malaysia, 22 Februari 1997.

Interviu dengan Hajah Edah @ Hamidah binti Dato' Haji Muhammad, pada 20 Disember 1999.

<sup>20</sup> Lotti Ismail, *Amanat Tiga Pemimpin Ulung BERJASA*, Pustaka Wijaya, Kota Bharu, Kelantan, 1985, hal. 35.

<sup>21</sup> Muhammad Nasir, *op. cit.*, hal. 1.

Haji Ahmad Pasir Pekan, Encik Muhammad Adnan dan Encik Megat Adnan.<sup>22</sup> Pengajian beliau di sini sehingga tamat peringkat perguruan.<sup>23</sup>

Peringkat ketiga Dato' Haji Muhammad bin Nasir menyambung pengajian Inggerisnya dari tahun 1932 hingga 1934 di Royal English School, Kuala Krai hingga ke peringkat Junior Cambridge, satu-satunya sekolah swasta berasrama (Private Boarding School) yang dikelolakan oleh seorang rakyat India bernama Mr. Devavarar.<sup>24</sup>

Peringkat keempat beliau dihadiahkan biasiswa oleh Kerajaan Kelantan untuk menuntut ilmu pertanian di Maktab Pertanian, Serdang, Selangor. Beliau mengambil kursus diploma dari tahun 1935 hingga 1937 dan berjaya menamatkan pengajian tersebut.<sup>25</sup> Beliau merupakan anak Kelantan yang kedua berpeluang belajar di maktab tersebut.<sup>26</sup> Matapelajaran-matapelajaran yang dipelajari antaranya ialah Ilmu Pertanian iaitu asas-asas pertanian, Botani, Biologi, Kimia, Matematik, Agricultural Survey, Entomologi (Kajian Musuh-musuh Tanaman), Kajian Haiwan dan Kajian Pemeliharaan Binatang-binatang atau Animal Husbandry.<sup>27</sup>

<sup>22</sup> Lotfi Ismail, *loc. cit.*

<sup>23</sup> Muhammad Nasir, *Prinsip Undang-undang Tubuh BERJASA*, Utusan Printcorp Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, tt., hal. 2.

<sup>24</sup> Lotfi Ismail, *loc. cit.*

<sup>25</sup> Muhammad Nasir, *Manusia ke Bulan dari Kacamata al-Qur'an*, Dian Darul Naim Sdn. Bhd., Kota Bharu, Kelantan, cet. II, 1984, hal. 10

<sup>26</sup> Lotfi Ismail, *loc. cit.*

<sup>27</sup> *Ibid.*

Peringkat kelima oleh kerana kecenderungannya kepada agama, beliau mengambil apa sahaja peluang yang dapat untuk mempelajari dan mendalami ilmu agama. Dengan takdir Allah, setahun sebelum Perang Dunia Kedua, beliau mendapat seorang guru dan sahabat karib iaitu Maulana Haji Abdullah Noh yang telah menuntut di India dengan beberapa orang ulama' di sana terutama Maulana Ahmad Ali, Lahore. Dalam masa Perang Dunia Kedua (1941–1945), beliau dapat sepenuh masa mempelajari ilmu al-Qur'an dan Siasah Islam (*Islamic Political Science*). Beliau juga berkesempatan menuntut ilmu al-Hadith dengan Maulana Mohammad Shah, seorang Punjabi lepasan dari Universiti Deoband, India di Pangkal Cuit, jajahan Ulu Kelantan.<sup>28</sup>

Menurut Hussin Yaacob (Ibn Muslim) Dato' Haji Muhammad bin Nasir merupakan individu yang mendapat pendidikan Inggeris yang pertama berminat untuk mempelajari ajaran Islam secara mendalam. Beliau juga merupakan di antara beberapa orang putera Kelantan yang membaca buku agama dan tafsir al-Qur'an dalam bahasa Inggeris yang diterbitkan di India.<sup>29</sup>

#### C. Kerjaya.

Sebaik sahaja Dato' Haji Muhammad bin Nasir menamatkan pengajian di Maktab Pertanian, Serdang pada tahun 1937, beliau dilantik menjawat jawatan Penolong Pertanian (*Agricultural Assistant*) di jajahan Pasir Mas selama 12 tahun

<sup>28</sup> Muhammad Nasir, *op. cit.*, hal. 10-11.

<sup>29</sup> Harakah, 28 Februari 1997, hal. 23.

Kemudian berkhidmat di jajahan-jajahan Ulu Kelantan (Kuala Krai dan Gua Musang), Kota Bharu dan lain-lain.<sup>30</sup>

Beliau bertanggungjawab membuka “pusat pertanian” di Pasir Mas dan Batang Merbau yang berperanan menjalankan percubaan tanaman padi, pokok buah-buahan dan koko.<sup>31</sup>

Beliau pernah menjadi pensyarah di Sekolah Pertanian Kota Bharu, Kelantan dan pengarang Berita Pertanian Kelantan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian.<sup>32</sup> Di samping itu beliau pernah berkhidmat sebagai Askar Sukarela dari tahun 1939 hingga berlaku perang dunia yang kedua dan bersara dalam tahun 1958.<sup>33</sup>

Sesudah mengerjakan fardu haji di Makkah al-Mukarramah tahun 1958, beliau telah meletakkan jawatannya dalam Jabatan pertanian yang sudah hampir 22 tahun disandangnya dan terus bergiat cergas dalam arena politik tanahair. Berjaya dalam pilihanraya umum pertama tahun 1959, dan dilantik sebagai Timbalan Menteri Besar Kelantan yang pertama dari tahun 1959 hingga 1964.<sup>34</sup>

<sup>30</sup> Muhammad Nasir, *op. cit.*, hal. 10.

<sup>31</sup> Zakaria Nasir, *op. cit.*, hal. 85.

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> *Ibid.*

<sup>34</sup> Muhammad Nasir, *op. cit.*, hal. 11.

Walaupun beliau gagal mempertahankan Dewan Undangan Negeri (DUN) Machang dalam pilihanraya yang kedua (1964), tetapi beliau dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia al-Sultan sebagai Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dari tahun 1964 hingga 1969.<sup>35</sup>

Pada tahun 1969, beliau memenangi pilihanraya kali ketiga dan sekali lagi dilantik sebagai Timbalan Menteri Besar Kelantan.<sup>36</sup> Beliau menjadi Menteri Besar Kelantan dari tahun 1974 hingga 1978 setelah berjaya memenangi pilihanraya umum 1974 di waktu Parti Islam SeMalaysia (PAS) berada dalam Barisan Nasional.<sup>37</sup>

Dalam pilihanraya 11 Mac 1978, beliau bertanding mewakili Parti BERJASA bagi Dewan Undangan Negeri Tendong.<sup>38</sup> Beliau sekali lagi dilantik sebagai Menteri Besar. Selepas itu beliau meletak jawatan sebagai Ahli Undangan Negeri dan Jawatan Menteri Besar.<sup>39</sup> Kemudian pada 8 April 1978 beliau dilantik sebagai Ahli Dewan Negara oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan. Beliau seterusnya dilantik sebagai Menteri Persekutuan memegang jawatan Menteri Perusahaan Awam.<sup>40</sup> Selepas itu berpindah ke Jabatan Perdana Menteri dengan tugas sebagai Menteri Tak Berpotfolio, bertanggungjawab kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam

<sup>35</sup> *Ibid.*

<sup>36</sup> *Ibid.*

<sup>37</sup> Harakah, 28 Februari 1997, hal 23.

<sup>38</sup> The Star, 24 April 1982.

<sup>39</sup> Muhammad Nasir, *Prinsip Undang-undang Tubuh BERJASA*, loc. cit.

<sup>40</sup> Muhammad Nasir, *Catatan Peribadi*, op. cit., hal. 1.

Persekutuan, Lembaga Urusan dan Tabung Haji serta Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara.<sup>41</sup> Pada masa itu beliau berada dalam Parti BERJASA yang menjadi komponen Barisan Nasional hingga bersara.<sup>42</sup>

Khidmat beliau dalam masyarakat ialah menjadi Pengerusi PERKIM Kelantan, Pengerusi Persatuan Bekas Perajurit Kelantan, Pengerusi Majlis Jaksa Pendamai Kelantan, Penasihat Persatuan India Muslim Kelantan, Ahli Lembaga Yayasan Chen Jan Jee, Penaung Persatuan Kebangsaan Kakitangan Islam Bank-bank Malaysia (PERKIB) dan Timbalan Pengerusi Majlis Kebangsaan Jaksa Pendamai Malaysia.<sup>43</sup>

Sebagai kesimpulannya, zaman perkhidmatan Dato' Haji Muhammad bin Nasir kepada agama, negara dan bangsa cukup lama iaitu selama empat puluh tujuh tahun (1937-1983), terbahagi kepada dua tempoh, iaitu 22 tahun berkhidmat dalam Jabatan Pertanian (1937-1958) dan 25 lima tahun sebagai negarawan dan ahli politik (1959-1983).

#### D. Politik

Dato' Haji Muhammad bin Nasir menyertai PAS pada tahun 1958 setelah

<sup>41</sup> Muhammad Nasir, *Prinsip Undang-undang Tubuh BERJASA*, loc. cit.

<sup>42</sup> Zakaria Nasir, *op. cit.*, hal. 85.

<sup>43</sup> Muhammad Nasir, *Catatan Peribadi*, *op. cit.*, hal. 2.

meletakkan jawatannya dalam Jabatan Pertanian.<sup>44</sup> Beliau mula tertarik kepada perjuangan PAS setelah bertemu dan bertukar fikiran dengan Allahyarham Ustaz Zulkifli Mohamad dalam satu majlis perkahwinan. Beliau terpengaruh dan terpesona dengan penerangan dan penjelasan yang diberi oleh Ustaz Zulkifli mengenai perjuangan PAS dan matlamatnya. Dalam pertemuan yang kedua beliau dengan Ustaz Zulkifli, beliau telah memberi pengakuan untuk menyertai PAS dan akan meletakkan jawatan sebagai Pegawai Pertanian untuk membolehkannya bertanding dalam pilihanraya umum 1959.<sup>45</sup>

Dato' Haji Muhammad bin Nasir belajar politik Islam dari Maulana Haji Abdullah Noh yang merupakan seorang tokoh ulama dan politik yang menentang British. Maulana Haji Abdullah Noh mempunyai ilmu pengetahuan agama berdasarkan ajaran Sheikh Waliyyu 'Llah al-Dehlawi. Selain itu, Dato' Haji Muhammad bin Nasir mempelajari politik dari buku-buku politik karangan 'Ubaidi-'Llah. 'Ubaidi 'Llah adalah seorang tokoh agama dan politik yang lari dari India dan menetap di Mekah.<sup>46</sup>

Sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam sub bab di atas, beliau bertanding dalam pilihanraya umum yang pertama pada tahun 1959 sebagai calon PAS Dewan Undangan Negeri Machang Utara dan memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri tersebut. Dengan kemenangan tersebut, beliau dilantik sebagai

<sup>44</sup> Muhammad Nasir, *Manusia ke Bulan*, *op. cit.*, hal. 11.

<sup>45</sup> Harakah, 28 Februari 1997.

<sup>46</sup> Lotfi Ismail, *op. cit.*, hal. 39.

Timbalan Menteri Besar (1959-1964) pada zaman Datuk Ishak Lutfi memegang jawatan Menteri Besar PAS yang pertama di Kelantan.<sup>47</sup> Dalam pilihanraya umum yang kedua tahun 1964, beliau gagal mempertahankan DUN Machang tetapi beliau dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dari tahun 1964 hingga 1969.<sup>48</sup>

Dato' Haji Muhammad bin Nasir muncul semula dalam arena politik di Kelantan dan sekali lagi memegang jawatan Timbalan Menteri Besar Kelantan dari tahun 1969 hingga 1974.<sup>49</sup> Pada tahun 1973 terbentuk kerajaan campuran di Kelantan dan pada tahun 1974, PAS menyertai Barisan Nasional. Selepas memenangi DUN Tendong dalam pilihanraya umum 1974, beliau telah dilantik oleh bekas Perdana Menteri Allahyarham Tun Abdul Razak sebagai Menteri Besar Kelantan pada September 1974.<sup>50</sup> Pada 5 Februari 1975 Jawatankuasa Barisan Nasional ditubuhkan dan beliau sebagai Menteri Besar dipilih menjadi Penggerusinya.<sup>51</sup>

Pada 10 Oktober 1977, Dato' Haji Muhammad bin Nasir dipecat dengan rasminya dari PAS oleh Jawatankuasa Kerja Agung PAS dengan suara terbanyak.

<sup>47</sup> Harakah, 28 Februari 1997.

<sup>48</sup> Muhammad Nasir, *op. cit.*, hal. 11.

<sup>49</sup> *Ibid.*

<sup>50</sup> Halim Mahmood, *Asri Dalam Dilema*, Hafar Enterprise, Eagle Trading Sdn. Bhd., cet. 1, 1983, hal.55.

<sup>51</sup> Utusan Melayu, 6 Februari 1975.

Seramai 13 undi menyokong pemecatan, 7 menentang dan 2 berkecuali.<sup>52</sup> Cadangan pemecatan oleh Perhubungan PAS Kelantan di bawah peruntukan Perlembagaan PAS.<sup>53</sup>

1. 13(3)-4, iaitu sebab-sebab seseorang ahli boleh dipecat, yakni telah melakukan kesalahan-kesalahan yang membolehkannya dipecat.
2. 35(3) iaitu tugas-tugas Badan Perhubungan PAS sesebuah negeri menyediakan rancangan dan polisi-polisi dan menentukan sikap pendirian perhubungan yang sesuai dengan dasar dan tujuan PAS kepada ahli-ahli dan meneliti perjalanan kerajaan.
3. 75(7) iaitu peruntukan yang membolehkan Jawatankuasa Kerja Agung PAS mengambil tindakan tatatertib dalam keadaan tertentu tanpa mengendahkan Jawatankuasa Tatatertib, berdasarkan aduan Perhubungan, Dewan-dewan, Kawasan-kawasan dan Cawangan-cawangan PAS.

Haji Baharuddin bin Haji Abdul Latif dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 29 September 1977 tidak menyokong pemecatan itu. Alasan-alasan yang beliau kemukakan ialah seperti berikut:<sup>54</sup>

1. Alasan pemecatan tidak mempunyai hujah-hujah yang cukup kuat, latar belakang yang adil dan saksama.

<sup>52</sup> Utusan Malaysia, 11 Oktober 1977.

<sup>53</sup> Haji Baharuddin bin Haji Abdul Latif, *Islam Memanggil: Rencana-rencana Sekitar Perjuangan PAS (1951-1987)*, Percetakan Selaseh, Kuala Lumpur, cet. 1, 1994, hal. 167.

<sup>54</sup> *Ibid.*, hal. 170-171.

Tun Razak menyandang jawatan Menteri Besar. Sedangkan beliau tahu Tun Razak tidak PAS, dan PAS adalah satu-satunya musuh ketat Tun Razak.

Kedua, setelah Dato' Haji Muhammad bin Nasir memegang jawatan Menteri Besar, menjadi kelazimannya bila berucap di mana-mana, beliau menyebut bahawa beliau bukan orang PAS dan bukan orang UMNO. Perkataan-perkataan seperti ini telah menjadi pengakuan terbuka bahawa beliau bukan orang PAS.

Pada 15 Oktober 1977, beliau dilucutkan jawatannya sebagai Menteri Besar Kelantan bila Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari itu meluluskan undi tidak percaya terhadapnya. Kesemua 20 orang anggota PAS di Dewan itu telah menyokong usul tersebut apabila pengundian dijalankan. Manakala 13 orang anggota UMNO dan seorang anggota MCA telah bangun dan keluar Dewan.

Encik Hussein Abdullah yang membawa usul itu menyatakan "usul itu dibawa bukan kerana dorongan dendam atau marah kepada peribadi Menteri Besar". Katanya lagi, "Dato' Haji Muhammad bin Nasir tidak lagi mendapat kepercayaan dari partinya. Sebagai ahli parti, beliau telah diberi kedudukan yang penting dalam kerajaan, tetapi beliau tidak mematuhi arahan-arahan parti." Setelah digulingkan, beliau telah keluar bercakap kepada penyokong-penysokongnya yang sudah berjam-jam menunggu kemunculan beliau. Antara lain beliau berkata, "Saya sudah jatuh, tetapi saya menang di hadapan rakyat. Dari rakyat saya datang dan dari rakyat saya pulang."<sup>57</sup>

---

<sup>57</sup> Utusan Malaysia, 16 Oktober 1977.

Apa yang anehnya, beliau yang telah dijatuhkan tidak terus meletak jawatan, tetapi terus menjadi Menteri Besar yang tidak berparti. Tindakan ini mungkin kerana beliau mendapat sokongan dari rakyat, malah dari pemimpin-pemimpin UMNO sendiri. Pada 19 Oktober 1977, berlaku satu lagi perhimpunan raksasa dan tunjuk perasaan di Kota Bharu sebagai menunjukkan reaksi menyokong beliau dan menentang PAS Kelantan.<sup>58</sup>

Menurut beliau, pemecatan tersebut berpunca daripada cubaan beliau membersihkan kerajaan dengan mengambil tindakan membatalkan Perjanjian Pembalakan (*Timber Mine*) yang melibatkan kawasan tanah seluas 360,000 ekar. Beliau juga cuba membetulkan perbuatan-perbuatan pemimpin dalam Kerajaan Kelantan yang lalu.<sup>59</sup>

8 November 1977, Rang Undang-undang Kuasa-kuasa Darurat (Kelantan) dibentangkan di Parlimen oleh Datuk Hussein Onn. Parlimen meluluskan Rang Undang-undang selepas bersidang selama lapan jam. PAS dan DAP mengundi menentang Rang Undang-undang itu, sementara 118 orang ahli-ahli Parlimen termasuk Haji Hassan Adli dari PAS menyokong Rang Undang-undang itu. Seramai 18 orang menentang. Kuala Lumpur kemudian mengirim Encik Hashim Aman (sekarang Tan Sri) ke Kelantan untuk menjadi Pengarah Kerajaan Kelantan. Dato' Haji Muhammad bin Nasir kekal sebagai Menteri Besar. Kerajaan darurat di

<sup>58</sup> Yahya Ismail, *Krisis Politik Kelantan. Dinamika Kreatif*, Kuala Lumpur, 1977, hal. 114-117.

<sup>59</sup> Lotfi Ismail, *op. cit.*, hal. 36.

Kelantan berakhir selama 95 hari bila ianya dibubarkan untuk pilihanraya negeri pada 11 Mac 1978.<sup>60</sup>

Semasa bersama PAS, beliau pernah memegang beberapa jawatan, antaranya ialah Ahli Jawatankuasa Agung PAS Pusat, Bendahari PAS Pusat, Pemegang Amanah PAS Pusat<sup>61</sup> dan Timbalan Pesuruhjaya PAS negeri Kelantan.<sup>62</sup>

Selepas disingkirkan daripada PAS, beliau berhasrat menubuhkan sebuah parti politik Islam. Penubuhan parti Barisan Jemaah Islamiah SeMalaysia (BERJASA) ditaja pada 25 September 1977.<sup>63</sup>

Dato' Haji Muhammad bin Nasir merupakan pengasas dan juga Presiden BERJASA yang pertama<sup>64</sup>. Dalam pilihanraya Dewan Undangan Negeri Kelantan yang diadakan pada 11 Mac 1978,<sup>65</sup> beliau bertanding di Dewan Undangan Negeri Tendong dan memenanginya.<sup>66</sup> Selepas pilihanraya tersebut, beliau kekal sebagai Menteri Besar. Jawatan tersebut disandangnya sehingga 22 Mac 1978.<sup>67</sup>

<sup>60</sup> Halim Mahmood, *op. cit.*, hal. 64.

<sup>61</sup> Muhammad Nasir, Catatan Peribadi, *loc. cit.*

<sup>62</sup> Utusan Malaysia, 13 September 1975.

<sup>63</sup> Muhammad Nasir, Ucapan Dasar Muktamar BERJASA Kali Pertama, Matlamat Perjuangan Kita, Pejabat Agung BERJASA, Kota Bharu, 1978, th.

<sup>64</sup> M. S. Koy, *New Malaysian Who's Who*, Second Edition Vol. II, Kasuya Publishing Sdn Bhd., Kuala Lumpur, cet. II, 1995, hal. 709.

<sup>65</sup> Harakah, 28 Februari 1997.

<sup>66</sup> Watan, 12 Mac 1978.

<sup>67</sup> Watan, 23 Mac 1978.

Pada 23 Mac 1978, Pengurus Barisan Nasional Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah mengumumkan anggota-anggota Kerajaan Campuran Barisan Nasional – BERJASA. Menurut pengumuman itu, Menteri Besar yang baru ialah Tan Sri Mohamad bin Yaakob. Beliau merupakan Menteri Besar UMNO yang pertama di Kelantan sejak tahun 1959.<sup>68</sup> Hal ini berlaku kerana sebelum pilihanraya 11 Mac 1978, BERJASA dan Barisan Nasional telah mencapai persetujuan bahawa mana-mana parti yang memperolehi kerusi yang lebih berhak melantik Menteri Besar dari partinya. Barisan Nasional memenangi 23 dari 36 kerusi Dewan Undangan Negeri dan BERJASA hanya memperolehi 11 kerusi.<sup>69</sup>

Pada 8 April 1978, Dato' Haji Muhammad bin Nasir dilantik sebagai Ahli Dewan Negara dan perlantikan tersebut sehingga 7 April 1984.<sup>70</sup> Ekoran dari perlantikan tersebut, beliau dengan rasminya pada 19 April 1978 menyerahkan surat perletakan jawatannya sebagai ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Tendong kepada Speaker Dewan Encik Daud Yatimee Ahmad.<sup>71</sup> Seterusnya beliau dilantik sebagai Menteri Perusahaan Awam sehingga 27 Julai 1978.<sup>72</sup> Beliau kemudiannya dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri sebagai Menteri Tak Berpotfolio yang bertanggungjawab kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama

<sup>68</sup> Berita Harian, 24 Mac 1978.

<sup>69</sup> Watan, 23 Mac 1978.

<sup>70</sup> Muhammad Nasir, Catatan Peribadi, *op. cit.*, hal. 1.

<sup>71</sup> New Straits Times, 20 April 1978.

<sup>72</sup> Muhammad Nasir, *loc. cit.*

Islam Persekutuan, Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara.<sup>73</sup>

Dato' Haji Muhammad bin Nasir bersara dari jawatan Menteri Kabinet pada 1 Jun 1983 selepas menghadiri Mesyuarat Perundangan Islam Antarabangsa Negara-negara Islam di Mekah.<sup>74</sup>

Pada akhir penglibatannya dengan parti politik, beliau telah kembali semula menyertai PAS sebagai ahli seumur hidup sejak Oktober 1992 sehingga akhir hayat beliau.<sup>75</sup>

Kesimpulannya, Dato' Haji Muhammad bin Nasir merupakan seorang tokoh politik Kelantan yang terkenal. Pernah memegang beberapa jawatan penting dalam Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Beliau juga dikenali sebagai seorang pemimpin yang ikhlas, jujur, sabar, terus terang, dedikasi dan dihormati oleh seluruh rakyat, khususnya rakyat Kelantan.

Memandangkan kepada Dato' Haji Muhammad bin Nasir adalah pengasas parti BERJASA dan banyak berjuang di dalam parti BERJASA, di bawah ini penulis paparkan beberapa hal yang berkaitan dengan parti BERJASA.

<sup>73</sup> Muhammad Nasir, Prinsip Undang-undang Tubuh BERJASA, *op. cit.*, hal. 2.

<sup>74</sup> Muhammad Nasir, Catatan Peribadi, *op. cit.*, hal. 2.

<sup>75</sup> Morais, *op. cit.*, hal. 709.

a. Dasar

Parti BERJASA telah mengambil Islam sebagai dasar perjuangannya dan ini dikanunkan dalam perlembagaannya, supaya pimpinan al-Qur'an dan sunnah rasul dijadikan panduan dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan dalam bidang *ukhrawi* dan *duniawi* seberapa yang boleh menurut kemampuan yang wujud pada suatu masa.<sup>76</sup>

b. Tujuan

Tujuan BERJASA ialah memperjuangkan dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang berlandaskan prinsip akidah (tauhid) bahawa segala pemerintahan adalah kepunyaan Allah s.w.t dan manusia hanya menjalankan perintah Allah s.w.t.<sup>77</sup>

Menurut Dato' Haji Muhammad bin Nasir, tujuan utama penubuhan BERJASA adalah untuk menyatupadukan orang-orang Melayu dan Islam dalam satu badan pergerakan politik yang boleh bekerjasama dengan beberapa buah parti politik yang lain seperti yang terdapat di dalam Barisan Nasional. Dengan tertubuhnya BERJASA, orang Islam dari bangsa lain boleh menyertai BERJASA yang secara

<sup>76</sup> Muhammad Nasir, Prinsip Undang-undang Tubuh BERJASA, *op. cit.*, hal. 6.

<sup>77</sup> *Ibid.*, hal. 3.

kebetulan pula menjadi anggota komponen Barisan Nasional. Ini akan menguatkan politik Islam.<sup>78</sup>

#### c. Usaha-usaha

Usaha-usaha BERJASA sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Perkara (3) Fasal (2) ialah menyeru umat manusia kepada syariat Allah dan sunnah rasulNya melalui dakwah secara lisan, tulisan dan amalan-amalan yang baik. BERJASA juga berusaha memperjuangkan Islam sebagai akidah dan politik serta memperkenalkan nilai-nilai kelslaman dalam usaha menegakkan keadilan dan kemajuan di segenap bidang termasuk bidang politik, ekonomi, sosial dan pelajaran.

#### d. Tokoh-tokoh

Selain daripada Dato' Haji Muhammad bin Nasir, tokoh-tokoh penting BERJASA ialah Datuk Haji Wan Hashim bin Wan Ahmad, Cikgu Ismail Haji Ali, Haji Yusof Haji Noor, Haji Aziz Abdullah, Ustaz Hussein Falahiah, Ustaz Mohamad Che Wok, Ustaz Mahmud Zuhdi bin Abdul Majid (sekarang Prof. Dato' Dr.), Ustaz Haji Abdul Ghani Mahmood dan Dr. Abdul Halim Mat Diah (sekarang Prof. Madya).<sup>79</sup>

<sup>78</sup> Lotfi Ismail, *op. cit.*, hal. 36.

<sup>79</sup> Lotfi Ismail, *op. cit.*, hal. 39, 40 dan 47.

e. Pencapaian

Parti BERJASA menyertai pilihanraya Dewan Undangan Negeri Kelantan yang diadakan pada 11 Mac 1978 dan telah berjaya merebut 11 kerusi dari 26 kerusi yang dipertandingkan. Kerjasama BERJASA dan Barisan Nasional berjalan terus untuk membentuk sebuah kerajaan campuran BERJASA – Barisan Nasional di Kelantan di bawah pimpinan Tan Sri Muhamad bin Yaacob.<sup>80</sup>

Di dalam kerajaan campuran tersebut, tiga orang ahli Exco dilantik dari kalangan wakil BERJASA. Mereka adalah Wan Hashim Haji Wan Ahmad (BERJASA - Peringat), Encik Tahir bin Abdul Aziz (BERJASA – Simpangan) dan Hanifa bin Ahmad (BERJASA – Meranti).<sup>81</sup> Encik Daud Yatimee Ahmad pula telah dipilih sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan.<sup>82</sup>

Dalam pilihanraya 23 April 1982, parti BERJASA memperolehi lima kerusi dari sebelas kerusi yang dipertandingkan, empat karusi di Dewan Undangan Negeri Kelantan dan satu kerusi di Dewan Undangan Negeri Perak.<sup>83</sup> Calon dan kawasan yang dimenangi di Dewan Undangan Negeri Kelantan ialah Abdul Ghani Haji Mahmud (Tendong), Tahir Abdul Aziz (Simpangan), Daud Yatimee Ahmad (Tok

<sup>80</sup> Harakah, 28 Februari 1997.

<sup>81</sup> Berita Harian, 24 Mac 1978

<sup>82</sup> New Straits Time, 20 April 1978.

<sup>83</sup> Berita Harian, 26 April 1982.

Uban) dan Wan Hashim Haji Wan Ahmad (Peringat).<sup>84</sup> Manakala satu kerusi Dewan Undangan Negeri Perak kawasan Kuala Kurau dimenangi oleh Encik Saarani Haji Mohamad.<sup>85</sup>

3

Tan Sri Muhamad bin Yaacob sekali lagi dilantik sebagai MB Kelantan bagi penggal kedua pemerintahan BN di Kelantan. Dua orang ahli Exco dilantik dari kalangan wakil BERJASA. Mereka adalah Wan Hashim bin Haji Wan Ahmad dan Abdul Ghani bin Haji Mahmud.<sup>86</sup>

BERJASA tidak bertanding di dalam pilihanraya 3 Ogos 1986 kerana ditawarkan bertanding 8 kerusi Dewan Undangan Negeri dan satu kerusi parlimen sahaja di Kelantan. Hal ini sedikit sebanyak menyentuh maruah BERJASA.<sup>87</sup>

Pada Pilihanraya Umum 21 Oktober 1990, BERJASA menyertai pilihanraya tersebut di dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU). BERJASA bertanding di satu kawasan Dewan Undangan Negeri sahaja iaitu di DUN Padang Garong. Calon tunggal BERJASA ialah Dato' Haji Wan Hashim bin Haji Wan Ahmad. APU berjaya memenangi kesemua 39 kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan dan berjaya mengambil alih teraju pemerintahan Kerajaan Negeri Kelantan. YAB Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat (sekarang Dato') dilantik sebagai

<sup>84</sup> The Star, 24 April 1982.

<sup>85</sup> Berita Harian, 26 April 1982.

<sup>86</sup> Minit Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan antara 1983-1985, di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Kota Bharu, Kelantan.

<sup>87</sup> Dato' Haji Wan Hashim bin Haji Wan Ahmad, *Ucapran Dasar Muktamar Agung BERJASA kali ke-5*, Pejabat Agung BERJASA, 30 Ogos 1987, hal. 4.

Menteri Besar, Dato' Haji Wan Hashim bin Haji Wan Ahmad dari BERJASA dilantik sebagai ahli Exco Kerajaan Negeri Kelantan.<sup>88</sup>

#### E. Aliran Pemikiran

Aliran pemikiran Dato' Haji Muhammad bin Nasir dapat dilihat dalam buku karangan beliau iaitu *Khulasah al-Qur'an Dari Ilmu Shah Waliyyu 'Llah al-Dehlawi* Jilid I dan II. Ia juga dapat dilihat dalam buku *Prinsip Undang-undang Tubuh BERJASA*, majalah Pengasuh bilangan 359/360 keluaran bagi bulan Oktober/November 1967 dan ucapan-ucapan dasar Muktamar BERJASA Kali Pertama dan Kedua. Pokok-pokok persoalan utama yang dibincangkan iaitu ilmu dan pendidikan, sosial, ekonomi, politik dan ketenteraan.

##### a. Ilmu dan Pendidikan

Menurut Dato' Haji Muhammad bin Nasir, semua jenis ilmu dan pendidikan hendaklah didasarkan di atas dasar ketuhanan.<sup>89</sup> Pendidikan hendaklah menitikberatkan pendidikan Islam secara menyeluruh. Di samping itu ilmu-ilmu baru seperti sains dan teknologi tidak diketepikan, malah pertentangan tidak wujud di antara agama dan ilmu-ilmu moden.<sup>90</sup>

<sup>88</sup> Struktur Organisasi Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan bagi tempoh 1990-1995, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan

<sup>89</sup> Majalah Pengasuh, bil. 359/360, Oktober/November 1967, hal. 3.

<sup>90</sup> Muhammad Nasir, Ucapan Dasar Muktamar BERJASA Kali Pertama, *op. cit.*, th.

Beliau menjelaskan ilmu-ilmu dalam al-Qur'an dibahagikan kepada lima bahagian besar.<sup>91</sup>

1. Ilmu Ahkam (*The Science of Injunctions*). Ia mempunyai lima kategori iaitu: wajib, sunat, haram, makruh dan harus (*mubah*). Hukum-hukum ini berlaku dalam bidang akidah, ibadat, muamalat, hal ehwal rumahtangga dan hal ehwal kenegaraan.
2. Ilmu Munazarah – untuk berhujjah dengan empat puak manusia iaitu Yahudi, Nasara, Musyrikin dan Munafikin (*The Science of disputation against the Jews, Christians, Polytheists and the Hypocrites*).
3. Ilmu mengingatkan manusia dengan ketinggian Allah (*The Science of the Divine wonders of the Al-Mighty Allah's creations*).
4. Ilmu mengingatkan manusia tentang harian Allah (*The Science of the important occasions as the result of the acts of man*).
5. Ilmu mengingatkan manusia tentang mati dan apa yang berlaku selepas itu (*The Science of the phenomena of death and its effect on the man in the life after death, and the divine world of light to come*).

Pada pendapat beliau, salah satu langkah yang perlu diambil bagi memastikan kejayaan di dalam bidang pendidikan, adalah dengan mewujudkan sebuah universiti

---

<sup>91</sup> Muhammad Nasir, *Nota Kulliah Berasas Pengajaran Shah Waliyyu 'Llah al-Dehlawi*, Dian Darul Naim Sdn. Bhd., Kota Bharu, Kelantan, tt., hal. 8.

Islam yang merangkumi semua aspek pendidikan dan pelajaran yang sesuai dengan kehendak Islam.<sup>92</sup>

Di dalam masyarakat perlu wujud satu golongan tertentu yang diberi tugas ikhtisas dalam mendalami ilmu-ilmu syariat. Kepadaian hendaklah diusahakan melalui pembacaan dan penulisan. Manusia hendaklah menggunakan akal fikiran dengan insaf dan adil untuk memahami segala pengajaran yang diturunkan oleh Allah.<sup>93</sup>

#### b. Sosial

Dato' Haji Muhammad bin Nasir menggesa penyusunan masyarakat hendaklah dimulai dari urusan rumahtangga hingga kepada masyarakat negara di atas asas-asas Islam.<sup>94</sup>

Menurut beliau, umat Islam sama ada di timur atau di barat yang berlindung di bawah bumbung kabah atau tidak, tidak akan dapat berpadu jika tidak dibuktikan melalui perlaksanaan. Panduannya adalah berpegang kepada susunan perpaduan yang disendikan iman dan takwa kepada Allah. Andainya tidak ada perpaduan ummah di kalangan muslim dan muslimat, ianya merupakan punca-punca terlaksananya rancangan musuh untuk menghancurkan masyarakat dan negara.

<sup>92</sup> Muhammad Nasir, *Ucapan Dasar Muktamar BERJASA Kali Pertama*, *op. cit.*, th.

<sup>93</sup> Muhammad Nasir, *Khulasah al-Qur'an*, Jld. I dan II, Dian Darul Naim Sdn. Bhd., 1990, hal. 251, 255 dan 1164.

<sup>94</sup> Majalah Pengasuh, *loc. cit.*

Tambah beliau untuk mencapai matlamat perpaduan yang disebutkan, hendaklah seluruh kehidupan masyarakat berpandu kepada kehidupan Rasulullah s.a.w dan para sahabat baginda yang merupakan contoh yang baik.<sup>95</sup>

Beliau menegaskan pembekalan perundangan, pendidikan, ekonomi dan kebudayaan akan menentukan tamadun generasi akan datang. Kegagalan mengisi faktor-faktor terpenting yang disebutkan bererti pembentukan generasi akan menempuh kegelapan dan pudar. Beliau mengingatkan sekiranya norma-norma kehidupan yang lari dari nilai rohani Ilahi, pasti kejatuhan akan melanda masyarakat.<sup>96</sup>

Apabila tertubuhnya kerajaan, maka keperluan rakyat seperti makanan, pakaian, perumahan, pelajaran, kesihatan dan perlindungan hendaklah dipenuhi. Perkara tersebut merupakan hak-hak yang menjadi tanggungjawab negara melaksanakan pembahagiannya dengan adil dan saksama (*justice & equity*).<sup>97</sup>

### c. Ekonomi

Dato' Haji Muhammad bin Nasir banyak membincangkan tentang masalah ekonomi. Beliau menegaskan dasar ekonomi yang perlu diperteguhkan bukan sahaja

<sup>95</sup> Muhammad Nasir, *Ucapan Dasar Muktamar BERJASA Kali Kedua*, Penyelesaian Politik Ummah, Pejabat Agung BERJASA, Kota Bharu, 24 April 1981, hal. 7.

<sup>96</sup> *Ibid.*, hal. 15.

<sup>97</sup> Muhammad Nasir, Prinsip Undang-undang Tubuh BERJASA, *op. cit.*, hal. 28.

mengutamakan konsep-konsepnya, tetapi juga perlaksanaannya yang bersesuaian dengan syariat Islam.<sup>98</sup>

Menurutnya lagi, persoalan ini sangat dititikberatkan oleh Islam, bidangnya luas termasuklah rancangan mengenai perusahaan, pertanian dan perdagangan, yang mana unsur-unsurnya sudah meluas dan berkembang. Umat Islam seluruh dunia terkebelakang dalam perkara ini kerana mereka ditindas oleh penjajahan orang-orang Barat. Punca penjajahan ini adalah kerana umat Islam tidak menurut ajaran al-Qur'an sepenuhnya. Beliau melarang urusan hidup diserahkan kepada orang lain kerana dikhawatir akan mendapat kehinaan di dunia.<sup>99</sup>

Islam telah mencapai kedudukan yang tinggi dalam usaha menyamakan antara umat manusia dalam hal perekonomian, suatu kedudukan yang tidak dapat disaingi oleh sistem sosialisma atau komunisma, baik dahulu mahupun sekarang. Sistem ekonomi yang dibawa oleh Islam adalah menjaga kedaulatan, hak milik perseorangan, membuka segala peluang kewangan yang halal kepada setiap anggota masyarakat. Ia juga menggalakkan supaya terus bekerja dengan satu ketetapan bahawa setiap usaha itu tentu ada ganjarannya. Islam membuka dengan seluas-luasnya pintu perlumbaan ekonomi bagi seluruh kalangan masyarakat.<sup>100</sup>

<sup>98</sup> Muhammad Nasir, *Ucapan Dasar Muktamar BERJASA Kali Kedua*, *op. cit.*, hal. 17.

<sup>99</sup> Majalah Pengasuh, *loc. cit.*

<sup>100</sup> Muhammad Nasir, *Ucapan Dasar Muktamar BARJASA Kali Pertama*, *op. cit.*, th.

Menurut beliau lagi, perimbangan ekonomi hendaklah diwujudkan dengan mendekatkan jurang perbezaan di antara masyarakat dengan memastikan pembahagian kekayaan negara (*national wealth*) tidak beredar di kalangan orang-orang kaya sahaja.<sup>101</sup>

#### d. Politik

Dato' Haji Muhammad bin Nasir menyatakan bahawa dalam Islam politik adalah sebagai akar tunjang kepada negara. Dengannya negara berkembang dan menghasilkan natijah yang bermanfaat kepada umatnya di dunia dan di akhirat.<sup>102</sup>

Kerajaan dan kemuliaan adalah milik Allah, Dialah sahaja yang dapat mengurniakannya kepada sesiapa yang dikehendaki. Umat Islam adalah satu umat pilihan Allah untuk memimpin umat manusia. Allah berjanji kepada orang-orang mukmin bahawa Dia akan menjadikan mereka sebagai khalifah-Nya di bumi. Bumi ini hanya diwarisi oleh manusia yang soleh.<sup>103</sup>

Pada pendapat beliau, seluruh bidang politik terbahagi kepada lima asas pokok:<sup>104</sup>

1. Kerajaan merupakan ketuhanan yang ditadbirkan oleh uli al-amri sebagai pemegang amanah untuk menjalankan iradat Allah (*Will of God*), iaitu

<sup>101</sup> Muhammad Nasir, Mukaddimah Prinsip Undang-undang Tubuh BERJASA, *op. cit.*, hal. 4.

<sup>102</sup> Majalah Pengasuh, *op. cit.*, hal. 4.

<sup>103</sup> Muhammad Nasir, Khulasah al-Qur'an, *op. cit.*, hal. 84, 93, 494 dan 530.

<sup>104</sup> Majalah Pengasuh, *loc. cit.*

menjalankan kehendak al-Qur'an dan sunnah rasulNya. al-Qur'an itulah sebagai sebuah perlembagaan yang berkekalan, sempurna lagi mencukupi bagi setiap manusia dan zaman hingga kiamat.

2. Pentadbiran (*Administration*) dijalankan atas asas-asas kebijakan dan kerjasama serta mencegah kejahanatan.
3. Baitul Mal (*National Finance*) – Kewangan negara perlu dijalankan dan diusahakan atas asas-asas kelslaman dari sumber-sumber yang halal. Zakat adalah sumber yang penting dalam kewangan negara.
4. Syura (*Discussion & Council*) – Majlis permesyuaratan dijalankan atas asas demokrasi dengan unsur-unsur al-birr dan al-takwa.
5. Pertahanan negara (*National Defence*) – Persediaan kekuatan negara wajib dijalankan sehingga boleh menggerunkan musuh dari segi ketenteraan.

#### e. Ketenteraan

Berhubung dengan masalah ketenteraan, Dato' Haji Muhammad bin Nasir menyatakan bahawa umat Islam wajib melengkapkan diri dengan alat-alat senjata yang cukup untuk menakutkan musuh Allah.<sup>105</sup>

---

<sup>105</sup> Muhammad Nasir, *Khulasah al-Qur'an*, *op. cit.*, hal. 225.

Setiap tentera Islam diingatkan supaya berwaspada dengan tipu daya musuh.<sup>106</sup> Umat Islam diseru supaya tampil berjuang dengan harta benda dan jiwa raga mereka untuk menegakkan agama Allah dan menjaga kedaulatan negara.<sup>107</sup>

---

<sup>106</sup> *Ibid.*

<sup>107</sup> *Ibid.*, hal. 238.